



بليا كيت ماس دفن كيت
Our Youth Our Future

ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2020

BORANG PENCALONAN BELIA BERKHIDMAT

Kategori ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada para pemimpin belia / belia yang telah memberikan sumbangan / khidmat secara sukarela mereka secara berterusan untuk masyarakat terutama golongan belia di Negara ini dalam pelbagai bidang sama ada keugamaan, kemasyarakatan, kesukanan, pendidikan dan sebagainya selaras dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja (MIB).

1. Syarat-syarat layak pencalonan:

- a) **Pencalonan adalah terbuka kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap, lelaki atau perempuan yang berumur tidak lebih daripada 40 tahun pada 1 Ogos 2020** terdiri daripada belia perseorangan atau belia-belia di dalam pergerakan/ organisasi belia yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Hendaklah **dicalonkan oleh pergerakan atau organisasi masing-masing atau pihak penganjur atau pihak-pihak berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**
- c) **Belum pernah menerima** Anugerah Hari Belia Kebangsaan untuk kategori yang sama.
- d) Borang pencalonan yang telah disediakan oleh pihak penganjur boleh di dapati dengan melayari laman sesawang Hari Belia Kebangsaan (www.hbk.gov.bn) atau YSNet (www.ysnet.gov.bn).
- e) Setiap calon dikehendaki mengisikan borang yang disediakan dan menyertakan dokumen yang dikehendaki melalui link yang diberikan. **Borang pencalonan yang tidak lengkap akan ditolak.**
- f) Pencalonan akan **dibukakan bermula pada hari Rabu, 13 Jun 2020 dan tarikh tutup pencalonan pada hari Khamis, 27 Jun 2020.**
- g) **Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan berhak menolak sebarang pencalonan tanpa perlu memberikan sebarang penjelasan.**

2. Arahan Am / Makluman:

- a) Dokumen-dokumen berikut **hendaklah dihantar melalui e-mel anugerahharibeliakebangsaan@gmail.com** dalam bentuk *softcopy/ scanned documents*:-
- i. Salinan kad pengenalan pintar.
 - ii. Gambar calon yang terkini untuk kegunaan media (Menggunakan resolusi berkualiti tinggi).
 - iii. Laporan dan gambar-gambar projek/aktiviti calon bagi sokongan penilaian (jika ada).
 - iv. Salinan sijil kerakyatan (jika ada).
 - v. Dokumen pencapaian seperti salinan sijil-sijil dll (jika ada).
 - vi. Dokumen penglibatan seperti Surat lantikan dll (jika ada).
- b) Subjek E-mel hendaklah dihantar dengan format berikut:-
- **Kod Kategori Anugerah [no. Kad Pengenalan Pintar Calon]**
Contoh: **BB [00-000000]**
- c) Setiap calon adalah dikehendaki untuk
- i. Mendaftarkan diri ke dalam YSNet dengan menggunakan akaun e-Darussalam;
 - ii. Klik pada **Program – Memohon Program**, pilih nama anugerah yang hendak dipohon dan klik **'Daftar'** seterusnya klik **'Daftar Sekarang'**;

3. Kriteria Penilaian:-

- a) Berkebolehan dalam memimpin ahli di dalam organisasi untuk bekerja secara sukarela bagi mencapai objektif atau matlamat.
- b) Berkemahiran untuk mengurus dan mendorong ahli organisasi dalam mengatasi konflik yang timbul serta mempermudah proses perubahan yang berlaku.
- c) Bijak dalam membentuk matlamat, membuat perancangan, memaklumkan perancangan yang dibuat, mengawal perjalanan perancangan dan bermotivasi.
- d) Berkeupayaan dalam menyumbang dan mempengaruhi penyediaan visi, objektif dan hala tuju organisasi untuk diikuti oleh ahli organisasi.